

18/08/2002

Pertemuan dengan PM cara terbaik selesai isu

GEORGETOWN: Pertemuan lima parti komponen yang mewakili masyarakat Cina dalam Barisan Nasional (BN) dengan Perdana Menteri adalah jalan penyelesaian terbaik untuk mencapai kata sepakat berhubung pelaksanaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi itu memang perlu selepas parti politik yang mewakili masyarakat Cina dalam BN gagal mencapai kata sepakat dalam menetapkan pendirian bersama berhubung keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran kedua-dua subjek itu dalam bahasa Inggeris, tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau percaya parti komponen terbabit mesti berjumpa Perdana Menteri bagi membantu mereka mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Mereka ada perbincangan semalam dan saya percaya mereka mesti akan berjumpa Perdana Menteri kerana dalam mesyuarat Kabinet sebelum ini Dr Mahathir sudah menyatakan beberapa perkara supaya mereka menerima pendirian Kerajaan dalam pelaksanaan itu.

"Dalam komponen BN, anggotanya terdiri daripada ramai kaum Cina. Tapi mereka mestilah membuat pendirian dalam hal ini.

"Kita berharap pendirian itu adalah pendirian yang menyokong keputusan kerajaan. Itu tidak ada masalah... kita kena tunggu," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap tama Forum Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM), semalam.

Hadir sama Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang), Datin Seri Endon Mahmood, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Khalid Ramli.

Kelmarin, lima parti BN iaitu MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) sekali lagi gagal mencapai kata sepakat ketika membuat perjumpaan.

Kesemua parti itu memutuskan mereka memerlukan lebih banyak masa untuk membincangkan dasar baru berkenaan.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berharap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan tidak dipolitikkan.

"Kita mampu menyelesaikan isu ini. Saya percaya Perdana Menteri akan memikirkan langkah terbaik untuk kebaikan negara dan masyarakat supaya dapat melaksanakan dasar ini.

"Jangan gunakan isu ini untuk menghasut keadaan mana-mana kaum. Jangan buat andaian yang bukan-bukan. Kerajaan tidak berniat menghapuskan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

"Jangan pula ada yang kata ini adalah langkah kepada penghapusan sekolah jenis ini, ini tidak betul. Kebimbangan ialah nanti ada golongan dan individu tertentu yang cuba timbulkan perkara yang tidak baik sehingga menyebabkan ketegangan dengan buat kenyataan menghasut.

"Jika mereka cuba terus buat begitu untuk mencetuskan ketegangan dalam kaum mereka, ini adalah satu kesalahan di bawah Akta Hasutan.

"Kita akan dengar pandangan semua pihak dan saya fikir dari segi matlamat tidak ada masalah kerana tujuannya baik," katanya.

Selain itu, Abdullah berkata, pelajar universiti perlu membabitkan diri dalam program bagi bergaul dengan pelbagai kaum.

Katanya, hubungan di antara kaum harus ditekankan daripada awal tanpa mengira agama kerana ia dapat membina perpaduan masyarakat dan negara.